

Tingkat kemahiran jurulatih

SERAMAI 170 jurulatih dan penyelaras dari 16 sub unit yang mewakili 68 kursus yang ditawarkan oleh Pusat Kokurikulum Universiti Utara Malaysia (UUM) berkampung di Hotel EDC-UUM untuk melakukan perkongsian kemahiran di kalangan mereka.

Pengarahnya, Syamsul Anuar Ismail yang ditemui berkata, kursus tiga hari ini diadakan bagi membantu peserta agar memahami Outcome Based Education (OBE), Learning Outcome dan Kemahiran Insaniah (LOKI) dalam Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB).

Katanya melalui OBE iaitu proses pendidikan yang berasaskan pencapaian 'outcomes' tertentu dalam proses pembelajaran seseorang pelajar akan mengupas mengenai pencapaian mereka, cara bantu untuk

menguasai pembelajaran dan mengenal pasti bagaimana mereka dapat apa yang diajar.

Manakala mengenai LO yang diketengahkan dalam kursus ini pula beliau berkata, penekanan diberikan kepada peserta mengenai hasil pembelajaran yang boleh dilakukan atau ditunjukkan oleh pelajar selepas sesi pembelajaran.

"Kita melihat dalam konteks LO ini amat penting kerana ia menyatakan apa yang perlu dikuasai oleh pelajar, membantu jurulatih beri tumpuan dalam penguasaan hasil, merancang pelbagai kaedah pengajaran dengan menggunakan alat bantuan mengajar yang berkesan sekaligus dapat mengukur kefahaman dan kemahiran pelajar,"ujarnya lagi.



SYAMSUL Anuar Ismail (dua dari kanan) bersama dengan sebahagian jurulatih dan penyelaras dari 16 sub unit yang mewakili 68 kursus yang mengikuti kursus kemahiran diri di UUM baru-baru ini.